



FIQH AL-AWLAJIYYAT: CHANGES AND DISTRIBUTION PATTERNS AT KEDAH STATE ZAKAT BOARD

FIQH AL-AWLAJIYYAT: PERUBAHAN DAN CORAK AGIHAN DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

ROHANI BINTI DESA

Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, UNISHAMS

MASYITAH BINTI ZAINON

Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, UNISHAMS

MUHAMAD NASIR BIN ZAIN

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

NOR HAYATI BINTI MD DAHLAL

Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, UNISHAMS

Email: shibah850@gmail.com

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 11TH MAC 2024: REVISED – 7TH JULY 2024: ACCEPTED – 2ND SEPT. 2024)

ABSTRACT

This article discusses changes and pattern distribution of zakat in the Kedah State Zakat Board (LZNK) based on the principles of Fiqh al-Awlawiyyat. It aims to examine changes in the pattern of zakat distribution to the asnaf group in the State of Kedah as well as examine the emphasis given by the Kedah State zakat Board (LZNK) in the zakat distribution process over a five year period based on Fiqh al-Awlawiyyat. The moving of time has seen the distribution of zakat also change. It not only change the method of collection but also change on the pattern of distribute it. This study examine the mechanism used by LZNK in the zakat distribution. The distribution of zakat is not only for the short term need but the motive is to free zakat recipients in long term. This study also look into the action that taken by LZNK in charge of distribute the zakat in accordance the concept of Fiqh al-Awlawiyyat which is an important principal that need to be given serious attention in carrying out all current

ijtihad tasks as recommended by tajdid scholars. This study also looked on the distribution statistics and the scheme provided by LZNK were analyze descriptively to see the extent of changes and distribution pattern in prioritizing things that are prioritize by syarak whether cinsidering the level of individual ability asc well as prioritizing needs or mutual benefits. The result of this study found that the change in pattern of zakat distribution to the eight groups of asnaf in the state of Kedah is based on the concept of Fiqh al-Awlawiyyat. One of the main recommendation of this study is LZNK must comply with all the priorities that had been underlined by the syarak.

Keywords: Fiqh al-Awlawiyyat, Zakat, Distribution, Asnaf

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan perubahan dan corak agihan zakat di Lembaga Zakat Negeri Kedah berdasarkan prinsip fiqh al-Awlawiyyat. Ianya bertujuan meneliti perubahan corak agihan zakat kepada golongan asnaf di Negeri Kedah serta mengkaji penekanan yang diberikan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam proses agihan zakat sepanjang tempoh lima tahun berdasarkan Fiqh al-Awlawiyyat. Perubahan zaman telah menyaksikan agihan zakat turut berubah. Ianya bukan sahaja mengubah cara kutipan malahan turut mengubah corak agihan zakat. Kajian ini meneliti apakah mekanisma yang diambil oleh LZNK dalam agihan zakat. Agihan zakat bukan sahaja bersifat sekadar memberi untuk keperluan jangka masa pendek tetapi motifnya untuk membebaskan asnaf zakat pada jangka masa panjang. Kajian ini melihat pendekatan yang diambil oleh LZNK dalam perubahan dalam agihan zakat selaras dengan konsep Fiqh al-Awlawiyyat yang merupakan satu prinsip penting dan perlu diberi perhatian serius dalam melaksanakan segala tugas ijtidah semasa sebagaimana dianjurkan oleh para ulama tajdid. Kajian ini juga melihat statistik agihan serta bentuk-bentuk skim yang disediakan oleh LZNK dianalisis secara deskriptif bagi melihat sejauhmana perubahan dan corak agihan dalam mengutamakan perkara yang diutamakan oleh syarak sama ada mengambil tahap keupayaan individu serta mengutamakan keperluan atau manfaat bersama. Hasil kajian ini mendapat bahawa perubahan corak agihan zakat kepada lapan golongan asnaf di Negeri Kedah adalah berdasarkan konsep Fiqh al-Awlawiyyat. Antara cadangan utama

kajian ini ialah LZNK haruslah mematuhi segala keutamaan yang telah ditetapkan oleh syarak.

Kata kunci: Fiqh al-Awlaiyyat, Zakat, Agihan, Keutamaan, Asnaf.

PENDAHULUAN

Islam bukan sekadar agama yang menentukan kepercayaan seseorang malahan ianya juga merupakan satu cara hidup yang merangkumi hal-hal yang berkaitan kehidupan duaniwi dan ukhrawi manusia.¹ Oleh yang demikian, setiap individu perlu meyakini bahawa setiap persoalan kehidupan baik yang berkaitan dengan kehidupan dunia atau akhirat terdapat panduan yang jelas dan ada penyelesaiannya dalam Islam termasuklah dalam soal agihan zakat. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa zakat adalah merupakan salah satu daripada rukun Islam kelima yang memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam sepanjang sejarah kewujudannya. Secara teorinya zakat dibayar oleh golongan kaya dan diagihkan kepada golongan miskin dan proses pengagihan tersebut diharap dapat mencapai tahap optimum kepada golongan asnaf zakat. Hasil daripada itu akan memberikan impak yang berkesan dan besar bukan sahaja kepada golongan asnaf zakat khususnya malahan kepada ekonomi sebuah negara secara umumnya. Ini kerana hasil pengagihan zakat ini akan memberi kesan kepada asnaf bukan sahaja berjaya keluar daripada golongan yang menerima zakat malah akan menjadi penyumbang zakat kepada negara. Akhirnya asnaf menjadi sebahagian daripada guna tenaga yang produktif dan menyumbang kepada ekonomi negara².

Namun demikian, perbincangan mengenai zakat sering menjadi isu yang hangat dan berkembang pesat rentetan daripada perkembangan ekonomi. Ianya timbul ekoran daripada senario mutakhir yang memperlihatkan konflik dalaman umat Islam dalam pelbagai bidang kehidupan dan perubahan sosio-ekonomi masyarakat dari semasa ke semasa. Perubahan ini telah menyebabkan wujudnya perubahan bentuk dan peranan dalam agihan zakat. Sebagaimana Islam

¹Nor Asiah Mohammad (2014), “Melestari Pembangunan Tanah Menurut Islam”, Jurnal Pengurusan JAWHAR, V..8, No.1, h.2.

² Nik Mustapha Nik Hassan (2001), *Semangat pengagihan Zakat ke Arah pembangunan Ekonomi*, Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam. Kuala Lumpur: IKIM.

meletakkan harta sebagai salah satu daripada keperluan asasi dalam kehidupan manusia.³

Lantaran itu, apabila Islam mengambil sikap yang jelas dan terbuka dalam soal agihan zakat sudah pasti ada sesuatu nilai yang besar didaulatkan. Ini yang dikatakan sebagai *maqasid al-shariah*. Hakikat ini tidak sukar difahami kerana peraturan Islam disediakan oleh Allah Ta’ala dari segala bentuk kekurangan. Namun demikian, segala bentuk peraturan perlu memiliki obektif demi kebaikan dunia dan akhirat sekaligus menghindari segala keburukan dan kemudharatan.⁴ Segala bentuk perubahan hukum dari semasa ke semasa ianya bertujuan bagi mencapai kemaslahatan manusia sejagat.⁵

FENOMENA AGIHAN ZAKAT NEGERI KEDAH

Sejajar dengan konsep negara berpendapatan tinggi, maka sudah pastinya jurang kemiskinan tidak dapat dielakkan dan isu agihan zakat yang tidak sepenuhnya kepada golongan asnaf menjadi salah satu alasan kepada permasalahan kajian ini. Negeri Kedah telah dipilih sebagai negeri kajian berdasarkan kepada isu peningkatan hasil kutipan zakat setiap tahun.⁶ Jika dilihat kepada agihan zakat di Negeri Kedah tahun 2015, amat kurang memberangsangkan sehingga timbul isu bahawa pengagihan zakat didakwa perlahan malah dalam kes tidak sampai kepada golongan sasar. Namun begitu, berdasarkan penelitian pengkaji melalui sumber pusat pungutan zakat LZNK terdapat golongan asnaf *ar-riqab* tidak menerima sebarang agihan dari tahun 2015 sehingga 2017. Jumlah hasil kutipan zakat sentiasa meningkat dari tahun ke tahun berdasarkan jadual Statistik Agihan seperti dalam jadual di bawah.

³ Abu Ishaq al-Syatibi (t.t), *al-Muwafaqat*, Beirut : Dar al-Fikr j:2, h:10.

⁴ Syukeri Mohamad (1996), *Maqasid Syariah dalam pengurusan harta*, Monograf Syariah, APIUM, h.1.

⁵Anisah Ab.Ghani (2000) ‘Perubahan-perubahan Perlu Dalam Fiqh Ibadat Berdasarkan Realiti Semasa Di Malaysia.’ Dalam Fiqh Malaysia, ed. Paizah Ismail et al. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h:222.

⁶ Kutipan wang zakat pada tahun 2015 sebanyak RM133,859550.00 dan meningkat setiap tahun sehingga tahun 2018 sebanyak RM177,011,733.00. Sumber <https://www.zakatkedah.com.my/statistik-agihan/>; Sumber: Pusat Pungutan Zakat LZNK

Jadual 1: Statistik Kutipan Zakat Negeri Kedah⁷

Tahun	Jumlah Keseluruhan (RM)
2020	217,913,020.82
2019	206,055,559.61
2018	183,556,547.63

Dari sudut teorinya, kutipan zakat perlu dibahagikan kepada lapan asnaf zakat sepertimana yang dijelaskan di dalam al-Quran.⁸ Namun secara praktikalnya agihan untuk setiap asnaf adakalanya tidak meliputi keseluruhan asnaf. Ini adalah kerana peruntukan dan pengagihan untuk setiap asnaf ditentukan mengikut keutamaan dan keperluan semasa asnaf-asnaf yang wujud pada ketika tersebut sahaja. Asnaf yang tidak menerima agihan adalah kerana sama ada ianya tidak wujud pada masa agihan berdasarkan definisi yang sempit atau ianya wujud berdasarkan definisi yang lebih luas tetapi keutamaan agihan perlu dibuat ke atas asnaf-asnaf yang lebih mendesak keperluannya atau asnaf tersebut tidak membuat permohonan.

Berikut adalah data agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang telah dibuat oleh LZNK bagi tahun 2017 sehingga 2020.

Jadual 2: Statistik Agihan Zakat Mengikut Asnaf Bagi Tahun 2017-2020.

JENIS ASNAF	STATISTIK AGIHAN ZAKAT LZNK							
	TAHUN							
	2017		2018		2019		2020	
	JUMLAH (RM)	(%)	JUMLAH (RM)	(%)	JUMLAH (RM)	(%)	JUMLAH (RM)	(%)
Fakir	10,693,482.00	7.08	165,371.00	0.09	127,800.00	0.07	60,396,772.00	26.36
Miskin	70,009,207.00	46.37	81,670,576.00	45.80	99,618,638.00	51.21	61,909,213.00	27.02
Amil	16,041,614.00	10.62	28,132,352.00	15.78	26,546,175.00	13.64	28,639,620.00	12.50
Mualaf	1,388,810.00	0.92	2,175,445.00	1.22	3,161,836.00	1.63	4,589,713.00	2.00

⁷ SPMJ JAWHAR⁸ Surah al-Tawbah ayat 60.

Ar-Riqab	0	0.0 0	14,600.00	0.0 1	29,386.00	0.0 2	351,356.00	0.1 5
Al-Gharimin	57,134.00	0.0 4	1,510,834. 00	0.8 5	57,798.00	0.0 3	502,070.00	0.2 2
Fisabililah	52,631,166. .00	34. 86	64,414,331. .00	36. 13	64,781,80 2.00	33. 31	72,666,278. .00	31. 71
Ibn Sabil	163,810.00	0.1 1	223,930.00	0.1 2	180,036.0 0	0.0 9	100,762.00	0.0 4
JUMLAH AH	150,985,22 3.00	100	178,307,43 9.00	100	194,503,4 71.00	100	229,155,78 4.00	100

Data agihan dipilih bermula tahun 2017 adalah kerana LZNK telah menerima perubahan pentadbiran yang signifikan dan mempunyai sistem data yang stabil pada tahun tersebut. Kajian ini telah dimulakan pada ogos 2021 maka data agihan 2020 dipilih sebagai data terakhir dengan andaian agihan daripada kutipan 2020 hampir selesai diagihkan.

Jadual berikut pula menunjukkan kedudukan asnaf berdasarkan keutamaan agihan yang dilihat dari jumlah atau peratusan agihan mengikut tahun.

Jadual 3: Jadual Kedudukan Asnaf Mengikut Keutamaan Berdasarkan Statistik Agihan Zakat 2017

STATISTIK AGIHAN TAHUN 2017			
ASNAF MENGIKUT KEUTAMAAN	ASNAF	JUMLAH AGIHAN RM	PERATUS
1	Miskin	70,009,207.00	46.37
2	Fisabilillah	52,631,166.00	34.86
3	Amil	16,041,614.00	10.62
4	Fakir	10,693,482.00	7.08
5	Mualaf	1,388,810.00	0.92
6	Ibn Sabil	163,810.00	0.11
7	Al-Gharimin	57,134.00	0.04
8	Ar-Riqab	0	0.00
JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN		150,985,223.00	100

Jadual 4: Jadual Kedudukan Asnaf Mengikut Keutamaan Asnaf Berdasarkan Statistik Agihan Zakat 2018

STATISTIK AGIHAN TAHUN 2018			
ASNAF MENGIKUT KEUTAMAAN	ASNAF	JUMLAH AGIHAN RM	PERATUS
1	Miskin	81,670,576.00	45.80
2	Fisabilillah	64,414,331.00	36.13
3	Amil	28,132,352.00	15.78
4	Muaalaf	2,175,445.00	1.22
5	Al-Gharimin	1,510,834.00	0.85
6	Ibn Sabil	223,930.00	0.12
7	Fakir	165,371.00	0.09
8	Ar-Riqab	14,600.00	0.01
JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN		178,307,439.00	100

Jadual 5: Jadual Kedudukan Asnaf Mengikut Keutamaan Asnaf Berdasarkan Statistik Agihan Zakat 2019

STATISTIK AGIHAN TAHUN 2019			
ASNAF MENGIKUT KEUTAMAAN	ASNAF	JUMLAH AGIHAN RM	PERATUS
1	Miskin	99,618,638.00	51.21
2	Fisabilillah	64,781,802.00	33.31
3	Amil	26,546,175.00	13.64
4	Muaalaf	3,161,836.00	1.63
5	Ibn Sabil	180,036.00	0.09
6	Fakir	127,800.00	0.07
7	Al-Gharimin	57,798.00	0.03
8	Ar-Riqab	29,386.00	0.02
JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN		194,503,471.00	100

Jadual 6: Jadual Kedudukan Asnaf Mengikut Keutamaan Asnaf Berdasarkan Statistik Agihan Zakat 2020

STATISTIK AGIHAN TAHUN 2020			
ASNAF MENGIKUT KEUTAMAAN	ASNAF	JUMLAH AGIHAN RM	PERATUS
1	Fisabilillah	72,666,278.00	31.71
2	Miskin	61,909,213.00	27.02
3	Fakir	60,396,772.00	26.36
4	Amil	28,639,620.00	12.50
5	Mualaaf	4,589,713.00	2.00
6	Al-Gharimin	502,070.00	0.22
7	Ar-Riqab	351,356.00	0.15
8	Ibn Sabil	100,762.00	0.04
JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN		229,155,784.00	100

Merujuk jadual kedudukan asnaf mengikut keutamaan berdasarkan statistik agihan zakat 2017, skim-skim agihan hanya diwujudkan kepada tujuh golongan asnaf sahaja iaitu fakir, miskin, mualaaf, *al-gharimin*, *fi sabilillah* dan *ibn sabil*. Asnaf *al-riqab* tidak diwujudkan sebarang skim dalam tahun tersebut dan tiada agihan zakat diberikan kepada asnaf tersebut.

Bermula pada tahun 2018, terdapat penambahan skim agihan zakat di mana telah diwujudkan skim agihan untuk golongan asnaf *al-riqab* dan zakat mula dibahagikan kepada lapan golongan. Golongan asnaf *al-riqab* yang didefinisikan sebagai hamba sahaya telah diaplikasikan juga kepada seseorang yang terbelenggu dengan sesuatu perkara sehingga tiada kebebasan diri. Ianya termasuk juga untuk melepaskan muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir.⁹

Meneliti corak keutamaan dalam agihan zakat LZNK terdapat perubahan keutamaan agihan tahunan berdasarkan kuantiti nilai agihan. Pada tahun 2017 sehingga tahun 2019, agihan untuk asnaf miskin mengatasi asnaf-asnaf lain dengan jumlah agihan hampir separuh daripada jumlah keseluruhan agihan tahunan. Sementara asnaf *fisabilillah* berada di tempat kedua bagi tahun

⁹ Penerima Zakat | Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (zakatkedah.com.my)

2017-2019. Namun pada tahun 2020 keutamaan agihan agak berbeza di mana agihan asnaf *fi sabilillah* telah mengatasi nilai agihan kepada asnaf miskin. Pada tahun tersebut, asnaf *fi sabilillah* telah mendapat agihan terbesar iaitu sebanyak RM72,666,278.00 bersamaan 31.71% daripada jumlah keseluruhan agihan zakat tahunan. Sementara asnaf miskin pula bertukar kedudukan ke tempat kedua dengan nilai agihan sebanyak RM61,909,213.00 bersamaan 27.02%.

Bagi asnaf amil yang berada pada tempat ketiga bagi tahun 2017 sehingga 2019 juga mengalami perubahan pada tahun 2020 apabila asnaf fakir pula berada di kedudukan ketiga. Agihan yang diterima oleh asnaf fakir bagi tiga tahun pertama kajian iaitu tahun 2017 sehingga 2019 adalah sangat kecil iaitu sekitar 7 peratus bagi 2017 dan kurang dari 1 peratus bagi dua tahun berikutnya telah berubah secara mendadak pada tahun 2020 ke kedudukan ketiga dengan peratus agihan mencecah 26.36 peratus. Jumlah ini amat signifikan berbanding agihan 3 tahun sebelumnya dan hampir menyamai agihan kepada asnaf miskin yang berada pada keduduan kedua pada tahun 2020 dengan perbezaan hanya 0.66 peratus sahaja.

Dengan itu dapat disimpulkan bahawa asnaf-asnaf yang menerima sumbangan terbesar zakat daripada LZNK pada tahun 2017 sehingga 2020 menerusi skim-skim agihan yang diwujudkan adalah asnaf fakir, miskin, amil dan *fi sabilillah*. Walaubagaimanapun asnaf fakir dan mualaf sering bertukar-tukar kedudukan sama ada berada di kelompok empat teratas atau empat terbawah sepanjang tahun kajian. Manakala tiga asnaf yang lain iaitu asnaf *al-riqab*, *al-gharimin* dan *ibn sabil* konsisten berada di tiga kedudukan terbawah sepanjang tahun kajian sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 7.

Jadual 7: Kesimpulan Perubahan Corak Agihan Zakat Mengikut Keutamaan Asnaf Bagi Tahun 2017-2020

JENIS ASNAF	STATISTIK AGIHAN ZAKAT LZNK						
	TAHUN						
	2017		2018		2019		2020
	JUMLAH (RM)	(%)	JUMLAH (RM)	(%)	JUMLAH (RM)	(%)	JUMLAH (RM) (%)
Fakir	10,693,482.00	7.08	165,371.00	0.09	127,800.00	0.07	60,396,772.00 26.36
Miskin	70,009,207.	46.3	81,670,576.	45.8	99,618,638.	51.2	61,909,213. 27.0

	00	7	00	0	00	1	00	2
Amil	16,041,614. 00	10.6 2	28,132,352. 00	15.7 8	26,546,175. 00	13.6 4	28,639,620. 00	12.5 0
Mualaf	1,388,810.0 0	0.92	2,175,445.0 0	1.22	3,161,836.0 0	1.63	4,589,713.0 0	2.00
Ar-Riqab	0	0.00	14,600.00	0.01	29,386.00	0.02	351,356.00	0.15
Al-Gharimi n	57,134.00	0.04	1,510,834.0 0	0.85	57,798.00	0.03	502,070.00	0.22
Fisabilill ah	52,631,166. 00	34.8 6	64,414,331. 00	36.1 3	64,781,802. 00	33.3 1	72,666,278. 00	31.7 1
Ibn Sabil	163,810.00	0.11	223,930.00	0.12	180,036.00	0.09	100,762.00	0.04
JUMLA H	150,985,223 .00	100	178,307,439 .00	100	194,503,471 .00	100	229,155,784 .00	100

Petunjuk :

	Pertama		Kelima
	Kedua		Keenam
	Ketiga		Ketujuh
	Keempat		Kelapan

PRAKTIKAL SEMASA DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

Setiap negeri di Malaysia mempunyai pengurusan zakat masing-masing. Di Negeri Kedah segala urusan kutipan dan agihan adalah diurusstadbir di bawah naungan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). LZNK adalah merupakan institusi penting yang berfungsi sebagai penyimpan dan pemegang amanah ke atas dana zakat umat Islam di Negeri Kedah. Enakmen zakat¹⁰ mula diperkenalkan apabila suatu masa dahulu kerana terdapat banyak aduan dilakukan oleh golongan fakir dan miskin yang merasakan keadaan mereka tertindas dan memerlukan bantuan. Ini kerana terdapat golongan yang tidak mahu mengeluarkan zakat serta memberi zakat kepada golongan yang tidak sepatutnya.

¹⁰ <https://www.zakatkedah.com.my/profil-lznk/>; Enakmen Pentabdiran Undang-Undang Islam Kedah Darul Aman 2008, (J.51/No.7)

Zakat yang terkumpul akan diagihkan kepada kumpulan-kumpulan (asnaf) yang tertentu bagi tujuan penjanaan ekonomi, bukan sahaja untuk jangka masa pendek, malahan jangka masa panjang supaya golongan asnaf ini akan dapat keluar dari kepompong kemiskinan.¹¹ Terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat iaitu fakir, miskin, *amil*, *muallaf*, *al-riqab*, *al-gharimin* (orang yang berhutang), *fi sabillah* (orang yang berjuang jalan Allah) dan *ibnu sabil* (*musafir*).¹²

Kaedah agihan zakat juga penting selain meningkatkan hasil kutipan zakat. Ini kerana jika ketetapan dasar-dasar penentuan agihan zakat tidak selari dengan objektif hasil kutipan, maka akan berlaku kepincangan dari ketenteraman dan pembangunan ekonomi. Bertetapan dengan konsep negara berpendapatan tinggi, maka sudah pasti jurang kemiskinan tidak dapat dielakkan dan isu agihan zakat tidak dapat diberikan sepenuhnya kepada golongan asnaf tertentu sahaja. Jika dilihat agihan zakat di LZNK masih mematuhi peraturan dan peranan yang ditetapkan dalam al-Quran dan al-Hadith. Pengagihan dana zakat masih memberi tumpuan kepada lapan asnaf yang telah disyariatkan oleh Islam. Namun begitu, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, didapati corak agihan zakat telah mengalami beberapa perubahan yang mana golongan fakir dan miskin bukan lagi menjadi penerima terbesar agihan dana zakat. Hasil kajian mendapati bahawa jumlah kutipan dan agihan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Jika dilihat statistik agihan mendapati bahawa jumlah kutipan dan agihan di Negeri Kedah sepanjang 4tahun iaitu tahun 2015 sehingga 2018. Namun demikian, objektif dan sasaran utama kajian dilakukan adalah melihat sejauhmana corak agihan zakat di LZNK. Dari sudut teorinya, kutipan zakat akan dibahagikan kepada lapan asnaf seperti yang dijelaskan di dalam Al-Quran, tetapi secara praktikalnya agihan untuk setiap asnaf adalah berbeza-beza. Pada hakikatnya, peruntukan dan pengagihan untuk setiap asnaf ditentukan mengikut keutamaan dan keperluan semasa asnaf tersebut. Merujuk kepada jadual statistik pada tahun 2015 skim agihan telah dibahagikan kepada tujuh golongan asnaf sahaja iaitu fakir, miskin, *amil*, *muallaf*, *al-Gharimin*, *ibnu sabil* dan *fi sabillah*. Golongan asnaf fakir dan

¹¹ Ili Diyana Yusof (2013), Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. "Zakat: Analisis Pengurusan dan Corak Agihan di Melaka". Prosiding PERKEM VIII, Jilid 2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 926-937.

¹² Surah al-Taubah ayat 60

miskin telah diletakkan dibawah satu skim yang sama bagi memudahkan urusan pengagihan dijalankan dengan lebih berkesan.

Manakala asraf *al-Riqab* tidak diwujudkan pada tahun sebelum ini sehingga tahun 2015. Bermula pada tahun 2018 sehingga kini, terdapat perubahan kepada pertambahan skim golongan asraf di mana agihan dibahagi kepada lapan golongan iaitu golongan asraf *al-Riqab* telah diwujudkan. Namun demikian, corak agihan ini sebenarnya boleh dipecahkan kepada beberapa keadaan yang mana pada tahun 2015 hingga tahun 2017, agihan untuk asraf fakir dan miskin sentiasa mengatasi golongan-golongan yang lain tetapi berbeza dengan tahun 2018 hingga 2020, agihan asraf fi sabilillah telah mengatasi agihan kepada golongan fakir dan miskin. Rumusannya pada tahun 2018 hingga tahun 2020, agihan zakat telah ditumpukan kepada bantuan pelajaran. Dapat disimpulkan bahawa bermula pada era 20-an asraf fakir dan miskin, *al-riqab* dan fi sabilillah menjadi antara tiga skim yang diberikan agihan terbesar untuk dana zakat di Negeri Kedah.

Dalam kajian ini jelas menunjukkan bahawa dasar yang diguna pakai oleh LZNK dalam agihan dana zakat adalah mengikut keperluan semasa asraf dan sentiasa berubah mengikut konteks sosioekonomi terkini. Pengagihan yang bijaksana dan mengikut keperluan semasa adalah diperlukan untuk mempercepatkan pencapaian matlamat keadilan sosioekonomi masyarakat Islam. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa perubahan dasar ini masih menekankan golongan asraf fakir dan miskin sebagai golongan asraf yang terbesar menerima agihan dana zakat walaupun keperluan semasa diutamakan dalam menentukan dasar agihan.

ANALISIS PERUBAHAN CORAK AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF

Topik ini akan membincangkan asas pertimbangan keutamaan atau *al-awlawiyat* LZNK dalam agihan zakat bagi tahun 2017 sehingga 2020 mengikut asraf. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pertimbangan keutamaan (*al-awlawiyat*) yang digunakan oleh pihak LZNK dalam agihan zakat ini adalah mengikut keperluan semasa asraf dan sentiasa berubah mengikut sosioekonomi terkini. Pengagihan yang bijaksana dan mengikut keperluan semasa adalah diperlukan untuk mempercepatkan pencapaian matlamat keadilan sosioekonomi masyarakat Islam.

Asnaf Miskin

Bagi tiga tahun pertama iaitu tahun 2017 sehingga 2019 kajian, didapati asnaf miskin telah mendominasi jumlah agihan melalui skim-skim agihan yang diwujudkan. Ini menunjukkan keutamaan LZNK pada ketiga-tiga tahun tersebut sangat menjurus kepada membantu kelangsungan hidup golongan ini. Namun pada tahun 2020, pertimbangan keutamaan LZNK telah berubah kepada asnaf *fi sabillah* melalui skim-skim yang diwujudkan. Perubahan keutamaan LZNK bagi tahun 2020 ini adalah tertumpu kepada pembangunan modal insan dan infra pendidikan.

Pada tahun 2017 dan 2018, Kedah menjadi negeri kedua termiskin di Malaysia selepas Kelantan. Namun pada tahun 2019, negeri Kedah telah berjaya meningkatkan taraf sosio ekonomi sehingga mampu berubah dari kedudukan kedua ke kedudukan ketiga negeri termiskin di Malaysia.¹³ LZNK telah memberikan keutamaan serta perhatian kepada golongan asnaf miskin ini. Skim bantuan zakat yang diaghikhan kepada asnaf miskin oleh institusi zakat di Malaysia memainkan peranan penting dalam mengeluarkan seseorang dari belenggu kemiskinan. Ini kerana dengan adanya skim bantuan zakat tersebut, segala keperluan di peringkat *daruriyyat* dapat dipenuhi malahan kualiti kehidupan umat Islam dapat dipertingkatkan. Ini memberi impak yang amat besar dalam pembangunan ummah terutama dalam aspek ekonomi dan sosial.

Sebagaimana dilihat, kemiskinan merupakan satu fenomena yang bersifat universal meliputi pelbagai dimensi antaranya melibatkan agama, ekonomi, sosiobudaya, pendidikan, kesihatan dan lain-lain.¹⁴ Jika dilihat kepada dimensi ekonomi, kemiskinan merupakan satu keadaan kekurangan daripada paras keperluan asas yang merujuk kepada harta benda, pendapatan, kewangan dan modal. Mazhab Maliki telah meletakkan ukuran keperluan makanan kepada asnaf ini dalam tempoh satu tahun bagi menentukan golongan asnaf miskin.¹⁵

Oleh sebab itu, kemiskinan boleh dikatakan bersifat relatif dan subjektif kerana ianya sukar bagi menentukan seseorang itu ditahap kemiskinan dari mata kasar seseorang. Keperluan hidup masyarakat bandar lebih tinggi berbanding

¹³ Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah, Kedah 2035, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, m.s 8.

¹⁴ Zakiah Jamaluddin (2005), Kemiskinan dan program pembangunan masyarakat. In: Pembangunan implikasi sosial dan fizikal. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok, pp. 41-55.

¹⁵ Hasanah Abd Khafidz (2017), Pentafsiran Asnaf Zakat Di Malaysia Mengikut Masa Dan Tempat, Negeri Sembilan: Penerbit USIM.

dengan masyarakat luar bandar walaupun mempunyai pendapatan yang lebih tinggi berbanding masyarakat yang tinggal di luar bandar. Ini menyebabkan kemiskinan di bandar lebih serius berbanding dengan luar bandar dan kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) juga lebih tinggi.¹⁶

Jika dilihat kepada skim-skim agihan asnaf zakat yang diwujudkan di Malaysia khususnya bagi membantu golongan asnaf fakir dan miskin tidak jauh berbeza antara negeri. Perbezaannya hanya dari segi nama skim yang diwujudkan sahaja. Semua skim memberikan fokus kepada membantu meringankan kesusahan, menyediakan ruang untuk menjana ekonomi, perlindungan tempat tinggal dan pendidikan anak-anak. Terdapat pelbagai insentif bantuan kewangan diagihkan kepada asnaf miskin agar golongan ini dapat menyambung kehidupan dari terus dibelenggu kefakiran. Skim bantuan kewangan miskin bulanan serta sara hidup miskin diberikan kepada asnaf fakir sebagai satu keperluan utama bagi setiap individu dan ianya termasuk daripada keperluan *daruriyyat* yang mestilah dimiliki oleh seseorang bagi menjamin *maqasid shariah* iaitu *hifz al-Nafs*.

Selain itu, Skim Bantuan Pembinaan Rumah (SBPR) serta baik pulih rumah kepada asnaf miskin ini juga diutamakan oleh pihak LZNK. Hal ini kerana tempat tinggal merupakan satu keperluan asas kehidupan yang amat diperlukan oleh setiap individu untuk menjamin kehidupan yang selamat. Ianya juga termasuk dalam *hifz al-Mal* dan *hifz al-Nasab* yang sama penting dengan makanan. Sebagaimana Imam Shafi'e telah menjelaskan bahawa keperluan hidup seseorang yang perlu ada termasuk perlindungan serta tempat tinggal untuk dirinya dan tanggungannya.¹⁷ Sepertimana yang termaktub dalam surah *al-Nahl* ayat 80 yang bermaksud:

“Dan Allah menjadikan bagimu rumah-rumahmu sebagai tempat tinggal dan dia menjadikan bagi kamu rumah-rumah (kemah-kemah) dari kulit binatang ternak yang kamu merasa ringan (membarunya) di waktu kamu berjalan dan waktu kamu bermukim dan (dijadikan-Nya pula) dari bulu domba, bulu onta dan bulu kambing, alat-alat rumah tangga dan perbiasan (yang kamu pakai) sampai waktu (tertentu).” (*al-Nahl* 14: 80)

¹⁶ Unit Perancang Ekonomi (2014), “Laporan Tahunan Kesejahteraan Rakyat 2014,” Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

¹⁷ Hasanah Abd Khafidz (2017), Pentafsiran Asnaf Zakat Di Malaysia Mengikut Masa Dan Tempat, Negeri Sembilan: Penerbit USIM.

Dalam konteks tempat tinggal ini ianya termasuk menyediakan tempat tinggal, bayaran sewa rumah, baik pulih rumah serta perkara yang berkaitan dengan penyediaan perlindungan yang diperlukan oleh seseorang dan tanggungannya.

Selain itu, Skim Bantuan Rawatan Kesihatan menjadi keperluan serta keutamaan kepada asnaf miskin kerana ianya termasuk dalam kategori *bifz al-Nafs* dan *bifz al-Din*. Hal ini kerana menjaga kesihatan adalah salah satu kesempurnaan dalam melaksanakan ibadah seperti solat, berpuasa dan menunaikan ibadah haji. Begitu juga dengan menjaga kesihatan dapat menjamin tubuh yang sihat dan kuat serta mampu mencari nafkah untuk dirinya dan tanggungannya dan berjihad *fi sabillah* kerana ianya sangat dituntut dalam Islam.

Skim Derma Siswa Yuran Penuh Ke Institusi Pendidikan Tinggi penuntut miskin turut diberi keutamaan kepada asnaf miskin. Hal ini kerana pendidikan adalah merupakan satu keperluan utama dalam memastikan individu memahami akan hukum hakam dalam Islam serta menjauhkan diri daripada syirik kepada Allah. Keperluan pendidikan ini termasuk dalam *fardu 'ain* dan juga *fardu kifayah*. Pendidikan dapat menjauhkan diri manusia daripada kejahilan dan dengan ilmu pengetahuan manusia akan mampu mentadbir alam ini dengan makmur dan sejahtera berlandaskan syarak. Ianya termasuk dalam *bifz al-Din*, *bifz al-'Aql* dan *bifz al-Nasab*. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun, perbezaan manusia dengan makhluk lain adalah kerana manusia mempunyai keupayaan untuk berfikir.¹⁸ Dengan potensi pemikiran tersebut manusia dapat berinteraksi sesama manusia yang lain untuk tujuan-tujuan kesejahteraan hidup. Selain itu, dengan potensi berfikir juga manusia dapat menerima ajaran-ajaran daripada Allah SWT yang disampaikan oleh para nabi kepada mereka.

Justeru itu, bagi memastikan hak asnaf miskin sentiasa terbela dan mendapat kehidupan yang lebih selesa sebagaimana tujuan pensyariatan zakat, maka pihak LZNK hendaklah sentiasa membuat penilaian dan penyelidikan dari semasa ke semasa agar keperluan hidup asasi dapat dipenuhi serta tidak menjadikan umat Islam sebagai umat yang lemah dan sentiasa meminta-minta. Hal ini bertujuan agar golongan asnaf miskin mampu untuk berdikari dan zakat

¹⁸ Muhammad Zainiy Uthman (2001), “Islam, sains dan pemikiran objektif : suatu perbandingan ringkas”, dalam Jurnal YADIM, bil. 2, h. 146-148.

sebagai medium yang berkesan untuk menangani kemiskinan khususnya dalam kalangan umat Islam.

Asnaf Fi Sabilillah

Agihan kepada golongan asnaf *fi sabilillah* mengalami peningkatan yang agak ketara daripada RM52,631,166.00 pada tahun 2017 kepada RM72,666,278.00 pada tahun 2020. Ini adalah disebabkan oleh keperluan-keperluan penubuhan sekolah-sekolah agama rakyat dan tahniz yang kian berkembang lantaran permintaan yang sangat banyak dari rakyat negeri Kedah. Sementelah pula kerajaan persekutuan tidak mempunyai peruntukan yang banyak bagi pembangunan fasiliti pendidikan agama yang diletakkan di bawah pentadbiran agama negeri bersultan. Skim bantuan pembangunan ini telah menjadi keutamaan LZNK bertujuan melahirkan modal insan yang baik dan kompeten. Keutamaan ini diberikan kepada asnaf *fi sabilillah* bagi memenuhi keperluan *maqasid shariah* iaitu *bifz al-Din* dan *bifz al-'Aql*. Peningkatan agihan bagi asnaf ini juga melibatkan bantuan dari segi penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dan dana-dana seumpama dengannya. Sejumlah besar dana yang diagihkan juga disebabkan peningkatan permohonan derma siswa IPT pada ketika itu.

Peningkatan agihan juga adalah disebabkan peningkatan permohonan skim kewangan tabung masjid bagi tujuan untuk pentadbiran dan pengurusan masjid serta aktiviti-aktiviti pengimaranan masjid. Perbelanjaan pentadbiran merujuk kepada sumber pendapatan yang dibelanjakan meliputi pembayaran bil air, elektrik, telefon serta penyelenggaraan masjid seperti membaiki tandas, servis penghawa dingin, penggantian mentol lampu dan sebagainya. Manakala perbelanjaan pengurusan masjid adalah meliputi aspek bayaran upah atau elauan kepada imam, siak, bilal tambahan serta pekerja dan pembantu-pembantu yang terlibat dalam urusan pentadbiran masjid. Selain itu, skim kewangan tabung masjid juga dibelanjakan oleh pihak masjid bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan manfaat kepada ahli kariah masjid. Ianya terdiri daripada aktiviti pengimaranan masjid, aktiviti kemasyarakatan dan pendidikan. Ini dikira sebagai memperkasakan fungsi sebuah masjid iaitu memberi sumbangan dalam membantu meningkatkan kefahaman Islam kepada masyarakat setempat.

Asnaf Amil

Agihan kepada asnaf amil telah meningkat daripada RM16,041,614.00 pada tahun 2017 kepada RM28,639,620.00 pada tahun 2020. Asnaf amil merupakan pihak yang menjadi tulang belakang dalam institusi zakat di Malaysia. Malahan kedudukannya sebagai asnaf menjadikannya sebagai antara golongan yang istimewa berbanding tujuh asnaf yang lain. Asnaf amil mempunyai tanggungjawab yang penting bagi memastikan kelangsungan matlamat syariah dan objektif agihan zakat kepada asnaf lain tercapai. LZNK telah memberi peruntukan dalam agihan zakat kepada asnaf amil melalui dua skim yang utama iaitu melalui skim pentadbiran serta bekalan dan skim pengurusan.

Definisi amil ini harus diberikan perhatian yang sewajarnya mengikut kesesuaian masa, tempat, keadaan dan realiti semasa di Malaysia. Hal ini kerana, jumlah kutipan zakat yang seringkali meningkat saban tahun dan bilangan asnaf kian bertambah menyebabkan zakat perlu diuruskan berasaskan kutipannya secara seimbang dan saksama. Tugas ini memerlukan penglibatan amil pelbagai bidang tugas dan kepakaran. Sebagai contoh dalam situasi berlaku bencana alam atau seumpama dengannya, ia telah memaksa amil untuk bekerja keras dalam keadaan tersebut demi memastikan keperluan asas mangsa dapat disediakan dengan cepat. Selaras dengan keperluan semasa, maka tafsiran asnaf amil perlu bersesuaian dalam konteks syariah dan realiti semasa.

Jika dilihat kepada skop tugas amil pada zaman awal pensyariatan zakat adalah tertumpu kepada kerja-kerja mengutip zakat fitrah dan harta yang sememangnya bersesuai dengan zaman tersebut. Realiti kini, amil dipecahkan kepada dua tugas utama sebagaimana yang dilaksanakan di LZNK iaitu tugas hakiki dan majazi.¹⁹ Tugas hakiki ini lebih kepada mengutip zakat fitrah semata-mata tanpa melibatkan jenis zakat yang lain. Zakat lain akan diserahkan pada pejabat zakat. Kebiasaanya, amil ini akan ditempatkan di masjid-masjid dan dilaktik khas oleh LZNK. Manakala tugas majazi ini diserahkan kepada pengurusan zakat secara langsung dan mempunyai kepakaran masing-masing seperti unit kewangan, pegawai-pegawai, pentadbiran dan seumpama dengannya.

¹⁹ Hasanah Abd Khafidz (2017), Pentafsiran Asnaf Zakat Di Malaysia Mengikut Masa Dan Tempat, Negeri Sembilan: Penerbit USIM.

Asnaf Fakir

Agihan kepada asnaf fakir telah meningkat daripada RM150,985,223.00 pada tahun 2017 kepada RM229,155,784.00 pada tahun 2020. Ini adalah kerana golongan-golongan asnaf ini semakin keluar dari dibelenggu kefakiran dan berubah kepada asnaf miskin. Agihan dana zakat memainkan peranan penting dalam membantu golongan asnaf fakir untuk keluar dari kepompong kefakiran. Dana zakat diaghikhan kepada asnaf secara langsung dan tidak langsung. Agihan secara langsung merujuk kepada bantuan terus berbentuk jangka pendek kepada individu atau agihan untuk keperluan asas dan manakala agihan secara tidak langsung merupakan bantuan jangka panjang berbentuk program-program atau projek agihan dana zakat yang telah dirancang oleh pihak LZNK.

Agihan zakat yang disalurkan kepada asnaf fakir di Kedah bukan sahaja dalam bentuk material semata-mata untuk mengeluarkan diri daripada kepompong kefakiran malahan skim-skim berbentuk spiritual turut disediakan oleh LZNK bagi memenuhi keperluan rohani asnaf agar menjadi insan Rabbani. Program-program LZNK yang berbentuk material adalah seperti program keusahawanan yang mana golongan ini boleh berdikari membantu menyara kos sara hidup mereka sekeluarga. Ianya bertujuan untuk menanggani isu kefakiran dari aspek jasmani. Walau bagaimanapun, program sedemikian kurang mendapat sambutan oleh golongan asnaf fakir. Ianya berkemungkinan disebabkan oleh sifat malas, tidak mahu keluar dari kepompong kefakiran. Ianya juga berkemungkinan kurangnya pembangunan spiritual kepada golongan ini. Justeru, agihan melalui skim-skim yang memberi penekanan kepada aspek ini dalam agihan zakat amat penting bagi membantu menangani masalah tersebut secara efektif.

Asnaf Mualaf

Agihan kepada asnaf mualaf telah meningkat pada tahun 2017 iaitu sebanyak RM1,388,810.00 kepada RM4,589,713.00 pada tahun 2020. Ini disebabkan bilangan mualaf semakin meningkat di Negeri Kedah. Skim bantuan yang disediakan oleh LZNK merangkumi bantuan asas yang diperlukan oleh golongan asnaf mualaf seperti bantuan kewangan, pendidikan dan sara hidup. Penekanan kepada aktiviti dakwah amat diberi keutamaan. Ianya amat penting bagi memastikan golongan ini sentiasa diberikan ilmu dan kemahiran dalam Islam. Skim bantuan ini tidak diberikan secara langsung kepada individu tersebut tetapi diperuntukkan bagi membiayai kos-kos yang diperlukan bagi mengendalikan

kelas-kelas agama, ceramah-ceramah, kursus-kursus dakwah dan bantuan kewangan kepada badan-badan bukan kerajaan yang menjalankan dakwah kepada mualaf dan orang bukan Islam seperti Pusat Bimbingan dan Latihan Saudara Baru (PUSBA).

Pengagihan zakat yang efisien serta menyeluruh mampu memberi semangat kepada golongan asnaf mualaf dapat mengharungi kelangsungan hidup baru. Terdapat dalam golongan ini mereka yang dipinggirkan oleh ahli keluarga selepas memeluk agama Islam. Jika dilihat kepada skim bantuan kepada asnaf mualaf, pengkaji mendapati masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam aktiviti pengagihan dana zakat bagi memperkemaskan lagi pengurusan agihan zakat bagi golongan mualaf. LZNK boleh mempertimbangkan untuk mengadaptasikan skim-skim yang disediakan oleh institusizakat negeri lain dengan memperluaskan skim yang dirasakan relevan untuk diaplikasikan sekaligus dapat menjaga kebajikan asnaf mualaf yang baru memeluk agama Islam agar lebih terpelihara. Skim-skim tersebut dapat membantu golongan mualaf bagi memenuhi keperluan dan kehendak mereka dalam aspek kehidupan yang serba mencabar pada masa kini.

Sebagai contoh, LZNK boleh boleh mewujudkan skim bantuan yang lebih bersifat memelihara kebajikan asnaf seperti skim pengurusan jenazah yang tidak dituntut untuk mengelakkan daripada berlaku kes perebutan jenazah antara orang Islam dan buksn Islam. Hal ini penting untuk menjaga *maslahah* yang lima iaitu menjaga nyawa, agama, akal, keturunan dan harta asnaf mualaf. Selain itu, skim bantuan bulanan untuk asnaf mualaf berdikari juga amat perlu pada masa kini bagi menjamin pendapatan yang berterusan terhadap segala keperluaan asnaf.

Oleh yang demikian, mualaf merupakan golongan yang sangat dijaga kebajikannya dalam Islam kerana golongan ini diletakkan dalam posisi keempat selepas asnaf fakir, miskin, dan amil sebagaimana yang termaktub dalam surah al-Tawbah ayat 60. Justeru itu, skim-skim agihan asnaf ini perlu diperluaskan bagi tujuan untuk meningkatkan lagi tahap kefahaman golongan ini terhadap Islam. Perkara-perkara penting yang harus diberi penekanan adalah tentang penyampaian maklumat terhadap skim-skim yang telah disediakan kepada asnaf mualaf.

Asnaf Ibn Sabil

Agihan kepada asnaf *ibn sabil* telah meningkat daripada RM163,810.00 pada tahun 2017 kepada RM223,930.00 pada tahun 2018 dan berlaku penurunan pada tahun 2020 iaitu sebanyak RM100,762.00. Ini mungkin disebakan oleh berlaku penurunan dalam jumlah musafir di negeri Kedah. Dalam agihan zakat *ibn sabil*, sekiranya seorang musafir itu tidak memerlukan bantuan harta maka zakat tidak perlu diberikan kepadanya kerana seseorang musafir yang terputus perjalanan mungkin masih ingin meneruskan perjalannya atau menetap di negara asing. Hal ini kerana asas pengagihan zakat kepada asnaf secara umumnya adalah kerana meraka memerlukan bantuan kewangan atau kebendaan. Manakala asas agihan zakat kepada asnaf *ibn sabil* secara khususnya adalah kerana mereka terputus bekalan harta bagi meneruskan perjalanan ke destinasi tertentu dan memerlukan bantuan kewangan atau kebendaan bagi meneruskan hajat mereka. Oleh yang demikian, hanya orang yang benar-benar memerlukan bantuan layak menerima zakat daripada peruntukan asnaf *ibn sabil*.

Kemungkinan besar bantuan ini hanya tertumpu kepada insentif bantuan tambang kepada penuntut yang tamat dan lulus dalam pengajian di luar negara. Skim bantuan ini diberikan untuk menampung kos pendidikan anak-anak asnaf yang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum. Ianya adalah untuk memastikan faktor kemiskinan yang dihadapi oleh mereka tidak akan membantutkan kecemerlangan mereka dalam pendidikan.

Asnaf Al-Gharimin

Agihan kepada asnaf *al-Gharimin* telah meningkat pada tahun 2017 sebanyak RM57,134.00 kepada RM502,070.00 pada tahun 2020. Peningkatan ini mungkin melibatkan pertambahan bilangan asnaf yang terlibat dalam menyelesaikan hutang mereka sama ada hutang untuk bantuan pelajaran dan bantuan perubatan. Walaubagaimanapun beberapa faktor utama berhutang ini perlu digarisukkan sehingga individu tersebut dilabelkan sebagai muflis iaitu hutang peribadi. Mengikut garis panduan *al-Gharimin* yang dikeluarkan oleh LZNK, hutang peribadi sukar diluluskan atau dibantu bagi mendapatkan bantuan zakat kerana hutang tersebut tidak dikategorikan sebagai hutang *dharuriyyat*. Namun demikian, pinjaman yang tidak diuruskan dengan baik boleh menjurus kepada isu muflis dalam kalangan orang yang berhutang. Isu berhutang yang menyebabkan kepada muflis ini perlu diatasi kerana ia akan menjaskan kehidupan seseorang muslim.

Dalam Islam amat menitik beratkan golongan yang *al-Gharimin* kerana golongan ini berhak mendapat dan memohon bantuan dana zakat. Namun demikian, ia seharusnya berdasarkan tujuan uatama pinjaman dibuat dan masalah yang dihadapi dalam menyelesaikan hutang tersebut. Sebagaimana pihak LZNK perlu meneliti semula tujuan hutang yang sama ianya berdasarkan kepada keperluan, kehendak ataupun kemewahan semata-mata.

Selain itu, bantuan daripada LZNK juga seharusnya dapat membantu individu Islam yang muflis atau yang dibelenggu dengan masalah hutang. Dana agihan zakat yang boleh digunakan bagi penyelesaikan masalah ini berdasarkan kepada dua keperluan iaitu *al-Gharimin* dan objektif sebenar zakat adalah untuk pembangunan ekonomi ummah. Sebagai contoh penduduk yang menghadapi musibah seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan seumpama dengannya sebagai salah satu program yang dititikberatkan oleh kerajaan negeri. Corak agihan dana zakat kepada golongan asnaf *al-Gharimin* boleh dipelbagaikan mengikut bentuk bantuan sama ada dalam bentuk wang tunai atau sumbangan barang keperluan asas. Kedua-dua bentuk agihan ini sebenarnya dapat membantu golongan asnaf *al-Gharimin* mengurangkan tahap bebanan hutang yang ditanggung.

Asnaf Al-Riqab

Agihan kepada asnaf *al-Riqab* telah meningkat daripada RM0.00 pada tahun 2017 kepada RM351,356.00 pada tahun 2020. Bermula pada tahun 2018 sehingga kini, golongan asnaf ini telah diwujudkan berdasarkan kepada keperluan semasa. Skim agihan diwujudkan menerusi program keagamaan dan kesedaran kelas agama. Pengkaji berpendapat bahawa skim bantuan untuk asnaf *al-Riqab* haruslah diperkemaskin lagi kepada program-program lain agar asnaf ini turut mendapat keutamaan. Bagaimana skim-skim bantuan boleh diperluaskan kepada golongan manusia yang terbelenggu atau tidak bebas dimana mereka berada dalam cengkaman manusia atau tuannya sehingga dalah dibebaskan.

Al-Quran diturunkan dengan membawa syariat yang lengkap serta penuh dengan hikmah-hikmah yang besar. Pada masa kini, secara realitinya sistem perhambaan sudah dimansuhkan atau dihapuskan oleh Islam setelah sekian lama, namun menurut sebahagian ulama hukum-hakam mengenainya masih terpakai. Secara umumnya, agihan zakat yang dikumpulkan adalah bertujuan membela golongan yang kurang berkemampuan cara hidup, terputus

bekalan dalam perjalanan, bekerja atau memberi perkhidmatan membantu agama Allah, terbeban dengan hutang serta serta membasmi kegiatan yang bercirikan penghambaan secara fizikal dan mental.

Berdasarkan realiti semasa, LZNK sedang melihat takrifan golongan asnaf *al-Riqab* ini tidak hanya kepada kriteria-kriteria yang tertumpu kepada tafsiran terdahulu sahaja. Penambahan kriteria asnaf ini boleh diperluaskan kepada beberapa kriteria lain oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri bagi menilai keperluan *maslahah* asnaf ini dari semasa ke semasa. *Al-Riqab* boleh diperluaskan takrifannya dalam konteks masa kepada manusia atau orang yang berada di dalam kebelengguan, tertindas atau dieksplotasi. Penindasan juga boleh diperluaskan maknanya kepada mereka yang tertin atau dalam kongkongan manusia serta mereka yang menjadi mangsa Ahlong dan golongan buruh paksaan serta buruh kanak-kanak.

Justeru, bagi memastikan bahawa perlaksanaan petakrifan semula makna *al-Riqab* mengikut situasi keperluan agar konsep dan hakikat sebenar zakat sebagai sesuatu jaminan sosial bagi kehidupan umat Islam, LZNK amat memerlukan sokongan dan dokongan daripada semua pihak terutamanya kerajaan. Segala perubahan yang praktikal akan terlaksana oleh fatwa, peruntukan kewangan khusus, aspek perundangan dan sebagainya.²⁰ Dengan langkah yang diambil ini, maka segala usaha untuk menangani gejala dan masalah sosioekonomi dapat diusahakan dari semasa ke semasa. Melalui usaha ini kebergantungan dalam pemulihan masalah sosial dan ekonomi tidak hanya diletakkan di atas bahu pihak berkuasa tempatan sahaja malahan peranan dalam institusi keagamaan seperti LZNK juga boleh dimainkan agar ianya lebih komprehensif dan efisien.

PENUTUP

Konsep *fiqh al-Awlaqiyat* ini digunakan apabila terdapat lebih daripada satu kewajaran yang menjadi hukum yang dipilih atau difatwakan dalam sesuatu isu melalui konteks ijтиhad dan fatwa. Dalam menentukan sesuatu hukum, *fiqh al-Awlaqiyat* bukanlah satu kaedah atau metode bagi menentukan ijтиhad dan fatwa

²⁰ Hayyun Hj Nawawi, Nor Mohd Faisal Mad ariffin, Normala Rabu (2008), *Pengagihan Zakat kepada al-Riqab: Satu Kajian Perluasan Penafsiran dan Perlaksanaan di Malaysia*, Siri 3, Institusi Kajian Zakat Malaysia, UiTM.

akan tetapi ia merupakan satu pendekatan kearah menghasilkan keputusan yang lebih utama untuk dilaksanakan dalam tempoh atau situasi tertentu.

Dalam penelitian arena kehidupan semasa kini, LZNK merupakan institusi zakat yang memainkan peranan utama dalam urusan kutipan dan agihan zakat dengan memastikan setiap dana zakat mencapai objektif dan sadar-dasar yang telah ditetapkan dapat dicapai dengan berkesan. Jika dilihat hasil kutipan zakat telah menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan sepanjang tempoh 2015 sehingga 2020. Pada awalnya terdapat lebihan dana zakat yang tidak diagharkan secara sepenuhnya. Namun demikian, segala program dan usaha yang dilaksanakan oleh pihak LZNK dalam ketelusan bagi membuktikan kesan pendekatan corak agihan yang digunakan perlu bersifat jangka Panjang. Di Negeri Kedah telah mengalami perubahan corak agihan dana zakat yang mana pada asalnya hanya tertumpu kepada asnaf fakir dan miskin dan seterusnya berubah kepada asnaf fi sabilillah, al-Riqab dan asnaf lain. Namun demikian, perubahan corak agihan ini tidak menjelaskan kepentingan golongan asnaf lain. Perubahan ini telah mengambil kira setiap keutamaan semasa dan keperluan bagi setiap golongan asnaf di Negeri Kedah.

BIBLIOGRAFI

- Abu Ishaq al-Syatibi (t.t), *al-Muwaafaqat*, Beirut : Dar al-Fikr j:2, h:10.
- Anisah Ab.Ghani (2000) "Perubahan-perubahan Perlu Dalam Fiqh Ibadat Berdasarkan Realiti Semasa Di Malaysia." Dalam Fiqh Malaysia, ed. Paizah Ismail et al. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h:222.
- Hasanah Abd Khafidz (2017), Pentafsiran Asnaf Zakat Di Malaysia Mengikut Masa Dan Tempat, Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Hasanah Abd Khafidz (2017), Pentafsiran Asnaf Zakat Di Malaysia Mengikut Masa Dan Tempat, Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Hasanah Abd Khafidz (2017), Pentafsiran Asnaf Zakat Di Malaysia Mengikut Masa Dan Tempat, Negeri Sembilan: Penerbit USIM
- Hayyun Hj Nawawi, Nor Mohd Faisal Mad ariffin, Normala Rabu (2008), *Pengagihan Zakat kepada al-Riqab: Satu Kajian Perluasan Penafsiran dan Perlaksanaan di Malaysia*, Siri 3, Institusi Kajian Zakat Malaysia, UiTM.
<https://www.zakatkedah.com.my/profil-lznk/>; Enakmen Pentabdiran Undang-Undang Islam Kedah Darul Aman 2008, (J.51/No.7)

<https://www.zakatkedah.com.my/statistik-agihan/>; Sumber: Pusat Pungutan Zakat LZNK

Ili Diyana Yusof (2013), Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. "Zakat: Analisis Pengurusan dan Corak Agihan di Melaka". Prosiding PERKEM VIII, Jilid 2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 926-937.

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah, Kedah 2035, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, m.s 8.

Muhammad Zainiy Uthman (2001), "Islam, sains dan pemikiran objektif : suatu perbandingan ringkas ", dalam Jurnal YADIM, bil. 2, h. 146-148.

Nik Mustapha Nik Hassan (2001), *Semangat pengagihan Zakat ke Arah pembangunan Ekonomi*, Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam. Kuala Lumpur: IKIM.

Nor Asiah Mohammad (2014), "Melestari Pembangunan Tanah Menurut Islam", Jurnal Pengurusan JAWHAR, V..8, No.1, h.2.

Penerima Zakat | Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (zakatkedah.com.my)

SPMJ JAWHAR

Syukeri Mohamad (1996), *Maqasid Syariah dalam pengurusan barta*, Monografi Syariah, APIUM, h.1.

Unit Perancang Ekonomi (2014), "Laporan Tahunan Kesejahteraan Rakyat 2014," Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Zakiah Jamaluddin (2005), Kemiskinan dan program pembangunan masyarakat. In: Pembangunan implikasi sosial dan fizikal. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok, pp. 41-55.